

Kabinet baru dipilih berdasar kepakaran

BH-15/2/2006

PM yakin mereka mampu pikul tanggungjawab jayakan RMK-9

Oleh Kadir Dikoh, Azman Zakaria dan Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin barisan Kabinet barunya termasuk dua muka baru, akan dapat memikul tanggungjawab dengan cemerlang, terutama yang dipilih berdasarkan kepakaran, kelayakan dan kecenderungan masing-masing.

Perdana Menteri berkata, setiap menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen yang dilantik mampu menjalankan tugas dengan baik terutama dalam persiapan kerajaan membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), bulan depan.

"Saya fikir mereka yang memegang jawatan yang diberikan itu dapat memberi prestasi memuaskan dan lebih sesuai dengan mereka setelah saya pertimbangkan ada hubung kait dengan mereka dan kerja-kerja mereka," katanya mengulas kekuatan barisan Kabinet baru yang diumumkankannya, semalam.

Abdullah berharap semua anggota Kabinet akan menjalankan tugas yang diamanahkan itu dengan baik.

"Saya harap mereka akan menjalankan tugas dengan baik dan saya percaya mereka boleh berbuat demikian.

"Kita akan membentangkan RMK-9 tidak lama lagi dan Kabinet inilah yang bertanggungjawab melaksanakan RMK-9 dan saya percaya mereka akan berkhidmat dengan jaya," katanya.

Perdana Menteri berkata, pemerhatiannya menunjukkan ada menteri yang mengetuai kementerian tertentu perlu ditukar ke tempat lain lebih sesuai seperti Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad yang dilantik menjadi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

"Saya memberi peluang kepada



PELANTIKAN BARU: Abdullah bersama Najib ketika mengumumkan rombakan Kabinet di Putrajaya, semalam.

menteri lain setelah saya dapati menteri-menteri yang memegang jawatan tertentu itu perlu diberi tempat ke kementerian yang lain.

"Berasaskan kepada kesimpulan itu, *switch has been done* dan Mohd Radzi misalnya, beliau di JPM mempunyai *legal qualification* dan dengan itu, difikir wajar sekiranya beliau diberi peluang mengepalai satu kementerian iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri," katanya.

Sementara itu bercakap kepada pemberita selepas melancarkan duit syiling peringatan 'Songket - Seni Warisan Agung' di Sri Pentas, di Ban-

dar Utama, malam tadi, Abdullah berkata, beliau tidak menggunakan formula berkaitan pemilihan parti sebagai asas pemilihan anggota Kabinet.

"Inilah yang terbaik yang yang dapat saya lakukan dan memang saya menekankan faktor pengalaman sebagai faktor penting kerana nanti semua ahli Kabinet perlu bergerak terutama apabila RMK-9 diluluskan Parlimen nanti.

"Maka dengan itu mereka kena bergerak pantas dan tidak ada masa baru nak belajar," katanya.

Beliau menegaskan, rombakan Kabinet itu tiada kena mengena dengan

pilihan raya negeri Sarawak yang bakal diadakan. Beliau juga tidak berunding terlebih dulu dengan anggota Kabinet sebelum pelantikan dibuat.

Ditanya mengapa kini hanya ada lima Menteri di Jabatan Perdana Menteri berbanding enam sebelum rombakan itu, Abdullah berkata, meskipun lima, mereka boleh menjalankan tugas.

Perdana Menteri berkata, barisan anggota Kabinet itu akan berkuat kuasa selepas majlis mengangkat sumpah apabila mendapat tarikh yang sesuai daripada Istana Negara.